



Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) adalah sebuah institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 [Akta 653] dengan tujuan untuk menyediakan ruang pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan akademik dan khidmat nasihat profesional dalam bidang seni, budaya dan warisan.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan pengurusan yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK	JUSA C (VU7)	PENGURUSAN TERTINGGI	KONTRAK / PINJAMAN

DESKRIPSI TUGAS TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK

- Bertanggungjawab ke atas perancangan dan pemantauan bagi pelaksanaan urusan hal ehwal akademik dalam semua bidang dan tahap pengajian yang ditawarkan oleh ASWARA. Pelaksanaan dan pemantauan urusan akademik melibatkan pengawalseliaan urusan seperti pembangunan kurikulum, sukatan pelajaran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan peperiksaan, bahan dan kandungan kursus pengajian dan aspek-aspek lain melibatkan kecemerlangan akademik.

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia;
- Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- Mempunyai kelayakan di peringkat Ijazah Kedoktoran dalam bidang seni dan budaya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau menjawat jawatan sekurang-kurangnya di Gred DS54 (Prof Madya) di mana-mana Universiti Awam atau menjawat jawatan sekurang-kurangnya di Gred 52 di ASWARA;
- Mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran akademik dan memahami sukatan kurikulum di peringkat universiti; dan
- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.

SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

5 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)

CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Perjawatan ASWARA** yang boleh diperolehi dengan memuat turun borang tersebut di **laman Web ASWARA** iaitu di **www.aswara.edu.my**.
- Permohonan yang telah dilengkapkan perlu dikembalikan bersama-sama sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan, *resume* dan dokumen-dokumen sokongan dan sijil-sijil yang berkaitan yang telah disahkan.
- Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Nilai Prestasi untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut yang telah disahkan.
- Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam **sampul surat berukuran 40.5sm x 30.5sm**. Di sudut atas **sebelah kiri sampul surat** hendaklah ditulis **nama jawatan dipohon**.

Rektor
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
464, Jalan Tun Ismail,
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Tel : 03-2778 5999 / 03-2778 5939 / 5940

CATATAN AM

- Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga jawatan ini ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan/makluman selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan anda **TIDAK BERJAYA**